

Asean dijangka kekal destinasi penting pelaburan langsung asing

Oleh Abdul Halih Yusoff dan Mohd Zin Ali

RANTAU Asean akan terus menjadi destinasi penting pelaburan langsung asing (FDI) meskipun bersaing dengan China, kerana negara itu tidak mungkin mempunyai daya saing yang tinggi dalam semua bidang.

Pengarah Penyelidikan Ekonomi Asia, Credit Suisse First Boston (CSFB), PK Basu, berkata, selain membolehkan Asean menarik lebih banyak FDI, hakikat itu turut membuka ruang kepada industri Asean menerokai pasaran China.

"China tidak mampu untuk mempunyai daya saing yang tinggi dalam semua bidang. Sebagai contoh, ia tidak berdaya saing dalam sektor besi keluli dan automotif. Begitu juga India.

"Jadi, inilah peluang negara Asean membekalkan produk mereka ke China dan India dalam segmen berkenaan," katanya pada hari kedua Sidang Komun-

cak Ekonomi Asia mengenai cara meningkatkan kemasukan FDI ke Asean di Kuala Lumpur, semalam.

Basu berkata, dari segi eksport, negara Asean ketika ini lebih berdaya saing kerana nilai mata wang mereka berada di bawah nilai antara 35 peratus hingga 37 peratus.

Sementara itu, Pengarah Urusan merangkap Ketua Eksekutif Morgan Stanley Dean Witter Asia (Singapore) Ltd, Michael Dee, berkata Malaysia sudah merekodkan kemasukan FDI yang sangat menggagalkan, iaitu sebanyak AS\$26 bilion (RM98.8 bilion) dalam tempoh 1995 hingga 1999.

Beliau begitu positif Asean akan terus menjadi destinasi utama kemasukan FDI seiring dengan China, katanya.

Beliau berkata, ini kerana negara Asean termasuk Malaysia sudah mempunyai prasarana dan sistem

yang diperlukan untuk menggamit kemasukan FDI jangka panjang.

"Berdasarkan kaji selidik yang dibuat, hanya dua peratus daripada syarikat Jepun yang beroperasi di Asean mahu memindahkan operasi ke China dalam jangka panjang," katanya.

Dee berkata, China mempunyai beberapa elemen untuk menarik FDI termasuk pasaran domestik yang besar, mata wang yang stabil dan bakal menjadi anggota baru Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Dee berkata, pada 1980-an China hanya menerima FDI sebanyak AS\$15 bilion tetapi pada 1990-an, ia meningkat kepada AS\$284 bilion.

Angka itu bagaimanapun menyusut mulai tempoh 1995 hingga 2000 kepada hanya AS\$200 bilion.

Sementara Asean pula terus merekodkan peningkatan FDI yang konsisten daripada AS\$40 bilion pada 1980-an kepada AS\$116 bilion pada 1990-an, dengan

Malaysia dan Singapura menguasai 60 peratus daripada jumlah itu.

"Asean boleh menandingi kelebihan China untuk menarik FDI asalkan negara anggotanya menyelaraskan dasar pelaburan supaya ia lebih pro-perniagaan, mengukuhkan mekanisme peruntukan modal dan mengukuhkan sektor pendidikan bagi membolehkan pelabur memperoleh tenaga kerja mahir," katanya.

Pengarah Forum Ekonomi Dunia, Frank Richter, pula berkata, FDI bukan hanya berkaitan produk boleh nampak tetapi juga aspek kemahiran dan penguasaan teknologi yang boleh diperolehi menerusi pengukuhan sistem pendidikan.

Katanya, Malaysia yang berada di tengah-tengah Asean boleh menjadi tempat paling menarik untuk FDI, bukan hanya daripada AS dan Eropah tetapi juga daripada pelbagai negara kaya di Asia Barat.

"Keupayaan China mena-

rik FDI tidak wajar dicemburui. China berhak mendapat banyak FDI kerana kerajaan dan usahawannya sangat pragmatik.

"Asean boleh menyainginya menerusi perubahan dasar menarik pelaburan serta mengurangkan kerena birokrasi dan percukai-an keterlaluan," katanya.

Beliau menambah, cadangan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mewujudkan blok perundingan ekonomi Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) adalah jalan terbaik untuk menyepadukan Asean bagi mewujudkan suasana kondusif bagi menarik FDI.

Katanya, dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang, lebih banyak syarikat antarabangsa dijangka berpindah ke China kerana kos operasi yang murah, tetapi Malaysia dijangka mampu bertahan kerana sudah mempunyai prasarana dan sistem yang kukuh.